

## ANALISIS STATUS HADITH DALAM KAJIAN ANTROPOLOGI LIVING HADITH SARJANA INDONESIA

### ***HADITH STATUS ANALYSIS IN INDIVIDUAL LIVING HADITH ANTHROPOLOGY STUDY OF INDONESIA***

**Norsaleha Mohd. Salleh,<sup>1\*</sup> Lilly Suzana Hj Shamsu<sup>2</sup>, Abur Hamdi Usman<sup>1</sup>, Rosni Wazir<sup>1</sup>, Farid Ravi Abdullah<sup>1</sup>, Abu Zaki Ismail<sup>1</sup> & Nurul Ain Burhanuddin<sup>1</sup>**

<sup>1</sup> Faculty of Islamic Civilization Studies, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), 43000, Bandar Seri Putra, Selangor, Malaysia.

<sup>2</sup> Faculty of Usuluddin, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Simpang 347 Jalan Pasar Gadong, Bandar Seri Begawan, Brunei

\* Correspondence Author: Norsaleha Mohd. Salleh. Faculty of Islamic Civilization Studies, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), 43000, Bandar Seri Putra, Selangor, Malaysia. Email: norsaleha@kuis.edu.my

#### **Abstrak**

*Living hadith adalah tradisi yang hidup di dalam masyarakat menyerupai amalan-amalan yang bersumberkan dari pemakaian hadis Rasulullah SAW. Kajian living hadith (hadith yang hidup) di Indonesia khususnya, merupakan sebahagian daripada perkembangan kajian ilmu hadith. Penggunaan hadith yang disandarkan kepada Rasulullah SAW oleh masyarakat Indonesia tanpa mengira latar belakang atau status hadith boleh memberi impak negatif dan tersebar luas dalam kalangan masyarakat. Justeru, kertas kerja ini bertujuan menganalisis status hadith antropologi budaya masyarakat dalam konteks living hadith. Hasil dapatan menunjukkan bahawa terdapat beberapa hadith yang disandarkan kepada Rasulullah SAW berstatus dhaif. Diharapkan kajian ini menjadi langkah awal kepada masyarakat supaya lebih peka dalam penggunaan hadith kerana sikap mengambil ringan seperti ini boleh menyebabkan syariat agama terpesong dari ajaran asal Rasulullah SAW.*

**Kata kunci :** Status, Antropologi, Living Hadis, Sarjana, Indonesia.

#### **Abstract**

*Living hadith is a tradition that lives in a community that resembles the practices that are derived from the usage of the hadith of the Messenger of Allah. The study of living hadith in Indonesia, in particular, is part of the development of the study of hadith. The use of hadiths attributed to Rasulullah SAW by the people of Indonesia regardless of background or status of the hadith can have a negative and widespread impact on the community. Therefore, this paper aims to analyze the status of the anthropological hadith of community culture in the context of living hadith. The results show that several hadiths are attributed to the Messenger of Allah (may peace be upon him). It is hoped that this study will be a preliminary step for the community to become more aware of the use of the hadith as this light-hearted attitude may cause religious sharia to deviate from the original teachings of the Messenger of Allah.*

**Keywords:** Status, Anthropology, Living Hadith, Scholar, Indonesia.

## 1. Pendahuluan

Perkataan “*hadith*” adalah asal kata dari perkataan “*hadatha*” yang dari sudut bahasanya bererti baru (lawan *qadim*) atau cakap atau berita. Secara etimologi perkataan “*hadith*” membawa erti yang pelbagai antaranya dari sudut perbuatan. Firman Allah SWT dalam surah an-Nisa’, ayat 42:

يَوْمَئِذٍ يَوْدُ الْلَّهُدِينَ كَفَرُوا وَعَصَوْا أَرْسُولَنَا حُسْنَى بِهِمْ أَلْأَرْضُ وَلَا يَكُنُونَ لِلَّهِ حَدِيثًا ٤٢

*“Pada hari itu orang-orang yang kafir dan menderhaka kepada Rasulullah, suka jika mereka disama ratakan dengan tanah (ditelan bumi) dan (ketika itu) mereka tidak dapat menyembunyikan sepatah kata pun dari pengetahuan Allah.”*

Penyebaran hadith tanpa mengambil kira statusnya merupakan satu fenomena yang baharu dalam masyarakat Islam khususnya di Indonesia. Sekiranya hadith yang disandarkan bertaraf *dhaif* maka ianya mempunyai kesan berbahaya kepada akidah umat Islam. Dalam hal ini, Rasulullah SAW sendiri telah mengingatkan para Sahabat dan pengikut baginda kelak supaya tidak terjerumus dalam pemalsuan dan pendustaan terhadap baginda. Sabda Baginda Rasulullah SAW:

حَدَّثَنَا أَبُو مَعْمَرٍ، قَالَ: حَدَّثَنَا عَبْدُ الْوَارِثِ، عَنْ عَبْدِ الْعَزِيزِ، قَالَ أَنَّسً: إِنَّهُ لَيَمْنَعُنِي أَنْ أُحَدِّثُكُمْ حَدِيثًا كَثِيرًا أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: «مَنْ تَعْمَدَ عَلَيَّ كَذِبًا، فَلْيَتَبُوْا مَقْعَدَهُ مِنَ النَّارِ»

*Daripada Abu Ma’mar, berkata: daripada Abdul Warith dari Abd Aziz, berkata Anas: Barangsiapa yang sengaja berdusta di atas namaku, maka siaplah tempatnya di dalam neraka.*

(Hadis riwayat Bukhari, Kitab *al-Ilmi*, Bab *Itmi mān kāzābā ā'lā nābiyyī ṣallāwāḥū ālāḥī wāṣṣālām*, no. 5471)

Maka jelaslah disini bahawa dari sudut bahasa, perkataan “*hadith*” memberi erti perkhabaran atau perbualan dan cerita, sama ada berkait dengan keagamaan atau keduniaan, atau yang telah berlaku dan sama ada ianya sedikit ataupun banyak (Mustafa Azmi, 1988). Sementara dari sudut istilah pula membawa erti; sesuatu yang disandarkan kepada Rasulullah SAW sama ada perkataan, perbuatan, ikrar (pengakuan) atau sifat. Menurut Ibnu Taimiyah sebagaimana yang dijelaskan oleh Jamaluddin al-Qasimi, apabila disebut lafaz al-hadith yang dimaksudkan ialah sesuatu yang diperkatakan mengenai Rasulullah SAW setelah beliau bangkit menjadi Rasul. Ini meliputi perkataan, perbuatan dan pengakuannya kerana sunnah Rasulullah SAW ditetapkan melalui tiga aspek ini (Jamaluddin, 1979).

Maka, muncul budaya masyarakat yang mengaplikasi cara hidup Rasulullah SAW dalam kehidupan harian bertujuan ingin mencontohi dan melahirkan rasa cinta kepada baginda SAW. Kesemua amalan yang menjadi pegangan hidup masyarakat dianggap acuan kepada keperibadian baginda SAW. Namun, apa yang menjadi perbincangan kajian ini adalah sejauhmana kebenaran hadith yang digunakan seiring dengan amalan agar tidak terpesong daripada landasan agama yang sebenar. Fazlur Rahman, cendekiawan yang berasal

daripada Pakistan dan merupakan pengasas kepada konsep *living hadith*. Beliau mempunyai pemikiran yang berbeza terhadap definisi hadith dan sunnah. Pemikiran Fazlur Rahman telah dijelaskan dalam buku penulisan beliau yang berjudul “*Islam*” dan “*Islamic Methodology in History*”. Hadis menurut Fazlur Rahman adalah *verbal tradition* sedangkan sunnah adalah *practical tradition* atau *silent tradition*. Walau bagaimanapun, menurut (Suryadilaga, 2016) *living hadith* yang digunakan oleh masyarakat di Indonesia berbeza dengan pandangan Fazlur Rahman. Living hadith di Indonesia lebih didasari tradisi yang bersandarkan hadith dengan penggunaan model *living hadith* yang berkembang dalam tradisi Islam, khususnya di Indonesia yang terdiri daripada tiga bentuk iaitu dari sudut; tulisan; lisan dan amalan.


## **2. Tujuan Kajian**

Penggunaan kajian antropologi berhubungkait dengan upacara ritual dilakukan dengan berbagai tujuan, ada untuk mendapatkan berkat atau rezeki yang banyak dari sesuatu pekerjaan seperti upacara sakral ketika akan turun ke sawah; ada untuk menolak bahaya yang telah atau diperkirakan akan datang; ada upacara mengubati penyakit; ada upacara kerana perubahan dalam kehidupan manusia, seperti pernikahan, kehamilan, kelahiran (*rites of passage, cycle rites*); dan sebagainya (Hasbullah, 2017).

Kajian dilakukan bertujuan mengkaji apakah status hadith yang digunakan oleh masyarakat yang berpegang kepada sesebuah hadith, juga mendedahkan tentang tahap keprihatinan masyarakat dalam melihat kepada status hadith Rasulullah SAW. Oleh kerana al-hadith al-Nabawi merupakan sumber kedua pensyariatan, maka ia mempunyai keutamaan dan kepentingan yang besar dalam memahami Islam dan mengetahui hukum-hakamnya. Menjadi satu kepastian bagi seorang muslim untuk mempelajari makna hadith dan mengenali tujuan serta objektifnya. Ini yang dinamakan sebagai kefahaman yang baik terhadap hadith; ia membolehkan umat Islam beramal bertepatan dengan tujuan syarak yang ditetapkan oleh Allah SWT. Penggunaan hadith harus diteliti melalui martabat hadith bagi memastikan kesahihannya sebelum digunakan sebagai dalil; mengeluarkan hukum mahupun beramal dengannya (Ghouri, 2018).

## **3. Model *Living Hadith***

*Living hadith* bermaksud tradisi yang nampak di dalam masyarakat berupa amalan-amalan yang bersumber dari pemaknaan hadis Nabi Muhammad SAW. Makanya, hadith Rasulullah SAW dijadikan acuan umat Islam dalam menghayati kehidupan. Model *living hadith* yang digunakan oleh Suryadilaga (2016) mempunyai tiga bentuk iaitu dari sudut; tulisan; lisan dan amalan.



*Rajah 1: Model Living Hadith (Suryadilaga, 2016)*

### 3.1 Tradisi Tulisan

Tradisi tulis menulis tidak hanya terbatas terbatas dalam bentuk ungkapan yang sering terpampang dalam tempat-tempat yang strategik seperti di dalam bas, masjid, sekolah, pusat pengajian tinggi dan lain-lainnya. Ada juga tradisi yang kuat dalam khazanah khas Indonesia yang bersumber dari hadis Rasulullah SAW sebagaimana yang terpampang dalam pelbagai tempat. Tidak semua yang terpampang berasal dari hadith Rasulullah SAW ada diantaranya yang bukan hadith namun di masyarakat dianggap sebagai hadith. Seperti contoh; 1) “Kebersihan itu separuh daripada iman” yang bertujuan membangunkan suasana sukakan kebersihan. 2) “Cintakan Negara itu separuh daripada iman” yang bertujuan membangunkan rasa semangat cintakan tanahair dan sebagainya. Jelas bahawa tradisi hadis secara tulis merupakan salah satu bentuk propaganda yang singkat dan padat dalam mengajak masyarakat mengamalkan hadis Rasulullah SAW.

### 3.2 Tradisi Lisan

Tradisi lisan muncul seiring bersama tradisi amalan yang dijalankan oleh umat Islam seperti barzanji Bugis (Ahmad Muttaqin, 2016); bacaan *yāṣīn* (Habsatun Nabawiyah, 2018); tradisi malam khamis majlis selawat *dībā’bil-muṣṭofā* (Adrika Fithrotul, 2014) dan tradisi qunut ketika solat maghrib (Siti Qurrotul Aini, 2016). Amalan ini dikategorikan sebagai amalan lisan kerana pelaksanaannya memerlukan pembacaan seperti zikir dan doa seusai solat. Sebagai contoh pembacaan qunut ketika solat maghrib, meskipun ada hadith yang menyatakan bahawa Rasulullah SAW membaca qunut ketika maghrib namun perkara ini tidak menjadi satu fenomena dan ikutan ramai. Ia hanyalah sebagai salah satu kesungguhan menghidupkan hadith dalam kalangan masyarakat. Hadith yang menjadi landasan kepada amalan ini diyakini sepenuh hati oleh pengamalnya.

### **3.3 Tradisi Amalan**

Tradisi amalan lebih banyak berlaku dikalangan masyarakat. Disandarkan setiap amalan itu kepada hadith Rasulullah SAW. Cara menzahirkan rasa cinta dan sayang kepada Rasulullah SAW adalah dengan menghidupkan setiap yang dinyatakan oleh baginda. Antara tradisi yang menjadi amalan dalam kehidupan masyarakat Indonesia ialah tradisi menjaga kubur (Miftahul Jannah, 2014); tradisi mambadakan paja (Gusnanda; 2017); fenomena bekam (Hj Umayah, 2014); merantau dalam menuntut ilmu (Yeni Angelia, 2017); tradisi *Arebbe* (Habsatun Nabawiyah, 2018) dan tradisi Balimau (Dona Kahfi, 2016). Seperti contoh mandi balimau, ia dilaksanakan kerana mengikut pemahaman sesebuah masyarakat di Indonesia menyucikan diri apabila tibanya bulan Ramadhan adalah salah satu bentuk kesyukuran dan sambutan kedatangan bulan yang mulia. Amalan ini dikategorikan sebahagian daripada fenomena living hadith kerana beranggapan ia didasari oleh hadith Rasulullah SAW.

### **4. Metodologi Kajian**

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis hadith-hadith yang dijadikan rujukan oleh sesebuah masyarakat dengan menyandarkan amalan dan tradisi itu kepada hadith Rasulullah SAW. Reka bentuk kajian adalah kualitatif kajian berbentuk antropologi. Kajian antropologi adalah salah satu bidang ilmu sains sosial yang mempelajari budaya masyarakat. Pengkhususan antropologi bagi kajian *living hadith* lebih terdorong kepada antropologi sosial-budaya. Ilmu ini mempelajari tingkah-laku manusia sama ada individu mahupun kelompok. Tingkah-laku yang dipelajari bukan sahaja kegiatan yang dilihat dengan mata kasar sahaja bahkan apa yang terdapat didalam pemikiran mereka (Siregar, 2002).

Seiring dengan kemajuan teknologi seorang pakar Muslim telah menyedari untuk memanfaatkan penghasilan perisian hadis. Untung Margono (2009), dalam kertas kerjanya telah membincangkan mengenai perisian al-Maktabah al-Syamilah dianggap sebagai medium mentakhrij hadis secara pantas dan tepat. Kajian ini menggunakan alternatif sampingan sekiranya takhrij hadith tidak ditemui dalam aplikasi maktabah syamilah, penggunaan *hdith.com* digunakan bagi melihat status hadith berikut. (Pautan link: <http://hdith.com/>). Laman web ini ialah laman web untuk semakan hadis. Kumpulan *semakhadis.com* berusaha menghimpunkan semakan-semakan hadis dari sumber yang dipercayai bagi rujukan umat Islam. Setiap hadis yang ada di laman web ini disertakan dengan sumber rujukan bagi membolehkan semakan dilakukan (<https://semakhadis.com/about/> Diakses pada; 10 Julai 2019).

### **5. Dapatan Kajian**

Berikut adalah beberapa senarai tradisi masyarakat Indonesia menggunakan pendekatan antropologi khususnya di Indonesia yang dianalisis menggunakan kaedah sorotan literatur secara sistematik. Kajian dilakukan mengikut penelitian model yang disediakan oleh Suryadilaga, (2016) berkaitan tiga jenis tradisi iaitu merangkumi tradisi tulisan,lisan dan

amalan. Analisis dibincangkan mengikut kategori tradisi; hadis yang disandarkan, takhrij dan analisis dapatan kajian.

| No | Tradisi                    | Hadis   | Takhrij   |
|----|----------------------------|---|---|
| 1  | Tradisi Lisan;<br>Barzanji | <p>قال: «ذاك يوم ولدت فيه، ويوم بعثت - أو أُنزَلَ عَلَيَّ<br/>فيه - » قال: فَقَالَ: «صَوْمُ ثَلَاثَةِ مِنْ كُلِّ شَهْرٍ، وَرَمَضَانَ إِلَى رَمَضَانَ، صَوْمُ الدَّهْرِ»<br/> <i>"Pada hari itu aku dilahirkan, dan hari aku dihantar - atau aku diturunkan kepadanya -" Maka Dia berkata, "Berpuasa tiga kali sebulan, setiap bulan."</i></p> | <p>Imam Muslim, Sahih Muslim, Kitab as-Siam (الصيام), Bab <i>Īstijābi siāmi thālāt hāti āyyāmīn min kūlli shāhri wā sāumi yāumi ā'rāfātā wā ā'shūrā ā wāl iṣnāni wāl khomīs</i>, No. 197 (1162)</p> |
|    |                            | <p>قال أبو عبد الرحمن، وقال مالك بن دينار: "علامة حُبُّ الله دَوَامٌ ذَكْرُه لَأَنَّ مَنْ أَحَبَ شَيْئًا أَكْثَرَ ذَكْرَه<br/> <i>Abu Abd al-Rahman berkata, Malik bin Dinar berkata: "Tanda cinta Tuhan adalah masa yang panjang, kerana dia yang mencintai sesuatu yang disebutkan lebih</i></p>  | <p>Lihat Maktabah al-Syamilah dalam kitab <i>Syu'bu al-Iman</i> bab <i>Ma'ani al-Mahabbah</i> juz 2, hlm. 49.<br/> Walaubagaimanapun status hadith ini adalah Dhaif.</p>                            |
|    |                            | <p><i>Tidak dinyatakan matan hadith*</i></p> <p><i>Abu Lahab diringankan seksanya setiap Isnin kerana kegembiraannya di hari kelahiran Nabi. Pernyataan dibuat tanpa mengemukakan hadith.</i></p>   | <p>Abu Lahab mendapat keringanan siksaan di akhirat setiap malam Isnin. Tiada dalam kitab hadith sahih</p>  |

| No | Tradisi  | Hadis  | Takhrij  |
|----|--|--|--|
| 2  | Tradisi Lisan:<br><i>Qunut Dalam Solat Maghrib</i> | <p>أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَقْنُتُ فِي الصُّبْحِ، وَالْمَغْرِبِ»<br/> <i>Sesungguhnya Nabi SAW melakukan Qunut pada solat Subuh dan Maghrib</i></p>       | <p>Imam Muslim, Sahih Muslim, Kitab <i>Māṣājīdī Wā Māwāḍhīq āṣ-ṣolāh, Bāb Īṣṭīhbābīl Qūnūtī Fī Jāmī’ šolātī Iż-żā Nāzalāt Bilmuṣlimīn Nāzilāh</i>, No. 678, (305), Hadith Sahih.</p> |
| 3  | Tradisi Amalan:<br><i>Mandi Balimau</i>            | <p>مَنْ فَرَحَ بِدُخُولِ رَمَضَانَ حَرَمَ اللَّهُ جَسَدُهُ عَلَى النَّيَّارِ<br/> <i>Siapa lega hati menyambut kehadiran Ramadhan pasti Allah mengharamkan tubuhnya atas neraka apa saja</i></p> | <p>Usman al-Khaubawi, Durratun Nasihin terj. Abu H.F Ramadhan (Surabaya: Makhtoba, 1987) hlm. 13.<br/> <i>Dħāif.</i></p>   |
| 4  | Tradisi Amalan:<br>Menjaga Kubur                   | <p>حَدَّثَنَا عَيْشَةُ حَدَّثَنَا عَبْدُ الْأَعْلَى حَدَّثَنَا سَعِيدٌ قَالَ وَقَالَ<br/> <i></i></p>  | <p>Imam Bukhari, Sahih Bukhari Kitab <i>āl-</i></p>  |

لِي خَلِيفَةُ حَدَّثَنَا يَزِيدُ بْنُ زُرَيْعٍ حَدَّثَنَا سَعِيدٌ عَنْ قَتَادَةَ  
 عَنْ أَنَسٍ رضي الله عنه عن النبي صلى الله عليه وسلم  
 قَالَ الْعَبْدُ إِذَا وُضِعَ فِي قَبْرِهِ وَتُوْلَى وَذَهَبَ أَصْحَابُهُ حَتَّى  
 إِنَّهُ لِيَسْمَعُ قَرْعَ نَعَالِهِمْ أَتَاهُ مَلَكًا فَأَفْعَدَاهُ فَيَقُولُ لَهُ مَا  
 كُنْتَ تَقُولُ فِي هَذَا الرَّجُالِ مُحَمَّدُ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ  
 عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَيَقُولُ أَشْهَدُ أَنَّهُ عَبْدُ اللَّهِ وَرَسُولُهُ فَيُقَالُ انْظُرْ  
 إِلَى مَقْعِدِكَ مِنْ النَّارِ أَبْدَلْكَ اللَّهُ بِهِ مَقْعِدًا مِنْ الْجَنَّةِ قَالَ  
 النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَيَرَاهُمَا جَمِيعًا وَأَمَّا الْكَافِرُ أَوْ  
 الْمُنَافِقُ فَيَقُولُ لَا أَدْرِي كُنْتُ أَقُولُ النَّاسُ فَيَقُولُ لَا دَرِيَتْ  
 وَلَا ثَلَيْتَ ثُمَّ يُضْرِبُ بِمِطْرَفَةِ مِنْ حَدِيدٍ ضَرَبَهُ بَيْنَ أَذْنَيْهِ  
 فَيَصِحُّ صَيْحَةً يَسْمَعُهَا مَنْ يَلِيهِ إِلَى الشَّقَلَيْنِ.

Dari Anas bin Malik ra dari Nabi saw, beliau bersabda : seorang hamba apabila dimasukkan ke kubur dan ditinggal pergi oleh kerabatnya sampai ia mendengar bunyi terompah mereka, maka dua malaikat mendatanginya lalu mendudukannya lalu keduanya bertanya kepadanya: apa pendapatmu tentang laki-laki yang bernama Muhammad saw? Lalu ia menjawab aku bersaksi sesungguhnya dia hamba Allah dan utusannya, dan dikatakan lihatlah tempatmu dari neraka, Allah mengganti tempatmu di surga. Nabi saw bersabda lalu hamba itu melihat keduanya (surga dan neraka). Adapun orang kafir atau orang munafik ia menjawab : aku tidak tahu, jawabanku sebagaimana orang-orang, lalu ditanya kamu tidak tahu dan tidak baca?

| No | Tradisi                         | Hadis  | Takhrij  |
|----|---------------------------------|--|--|
|    |                                 | kemudian dipukul satu kali dengan alat pemukul dari besi diantara kedua telinganya, lalu menjerit, yang tidak dapat didengar oleh yang di sekitarnya kecuali oleh dua makhluk (jin dan manusia).                 |  |
| 5  | Tradisi Amalan; Mambadakan Paja | حَدَّثَنَا سَلْمَانُ بْنُ عَامِرٍ الصَّبِّيُّ قَالَ سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ<br>صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ مَعَ الْعُلَامَ عَقِيقَةً فَأَهْرِيَقُوا عَنْهُ<br>دَمًا وَأَمْيَطُوا عَنْهُ الْأَذْيَ | Imam Bukhari, Sahih Bukhari, Kitab <i>al-Aqiqati</i> , Bab <i>Imamati al-Azā Anis Sobbiyyi</i> <i>Fīl a'qiqah</i> , No. 5471. Sahih. |

*Salman bin 'Amir al-Dhabiy berkata bahwa ia pernah mendengar Rasul SAW bersabda: "setiap anak itu ada 'aqiqahnya. Maka sembelihlah binatang 'aqiqah untuknya, dan cukurlah rambutnya".*

- 6 Tradisi Amalan; Bekam

**عَنْ أَبْنِ مَسْعُودٍ قَالَ حَدَّثَ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِهِ أَنَّهُ لَمْ يَمْرُ عَلَى مَلَائِكَةٍ إِلَّا أَمْرُوهُ أَنْ مُرْأَتَكَ بِالْحِجَامَةِ.**

Diriwayatkan oleh Ibnu Mas'ud, dinyatakan oleh As-suyuthi, hlm 7960. Hadis saih hassan.

*Dari Abdullah bin Mas'ud, Rasulullah SAW telah menceritakan kepada ku tentang malam isra' nya, sesungguhnya tidak memerintahkan seorang malaikat pun kecuali ia memerintahkan "wahai Muhammad perintahkan umatmu agar berbekam!" (H.R. Abu Daud)*

- 7 Tradisi Amalan; Merantau Dalam Menuntut Ilmu

**قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : طَلَبُ الْعِلْمِ فَرِيضَةٌ عَلَى كُلِّ مُسْلِمٍ.**

*Rasulullah SAW bersabda : "Menuntut ilmu wajib atas setiap"*

Ibnu Majah, Sunan Ibnu Majah, No. 224, Bab *Fadhlil Ulama' Wal Hatthi a' la tholabil Ilmi*, Sahih. Diriwayatkan oleh Anas Bin Malik, dinyatakan oleh al-Bani, hlm. 3914, Sahih

**عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَنْ سَلَكَ طَرِيقًا يَلْتَمِسُ فِيهِ عِلْمًا سَهَّلَ اللَّهُ لَهُ طَرِيقًا إِلَى الْجَنَّةِ**

Diriwayatkan oleh Abu Darda', dinyatakan oleh al-Bani, di dalam Sahih Ibnu Majah, hlm. 183, Sahih.

*Daripada Abu Hurairah RA bahawasanya Rasulullah SAW bersabda, "Sesiapa yang menempuh satu jalan untuk mencari ilmu pengetahuan, maka Allah memudahkan baginya satu jalan untuk menuju ke Syurga"*

**حَدَّثَنَا نَصْرُ بْنُ عَلَيْهِ قَالَ حَدَّثَنَا خَالِدُ بْنُ يَزِيدَ الْعَتَكِيُّ عَنْ أَبِي جَعْفَرِ الرَّازِيِّ عَنْ الرَّبِيعِ بْنِ أَنَسٍ عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ**

Diriwayatkan oleh Anas Bin Malik, dinyatakan oleh At-Tirmidzi, Sunan At-Tirmidzi, hlm. 2647.

| No | Tradisi                                  | Hadis  | Takhrij  |
|----|--|--|--|
|    |  | <p>قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَمَنْ خَرَجَ فِي طَلَبِ الْعِلْمِ كَانَ فِي سَيِّلِ اللَّهِ حَتَّىٰ يَرْجِعَ.</p>  | Hassan Gharib<br>(حسن غريب ورواه)<br>بعضهم فلم يرفعه   |
|    |  | <p>Telah bercerita kepada kami Nahr bin Ali dia berkata, telah bercerita kepada kami Khalid bin Yazid Al Ataki dari Abu Ja'far Ar Razi dari Ar Rabi' bin Anas dari Anas bin Malik dia berkata; Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam bersabda: "Barangsiapa keluar dalam rangka menuntut ilmu maka dia berada di jalan Allah sampai dia kembali."</p>  |  |
| 8  | Tradisi Amalan;<br><i>Tradisi Arebbe</i> | <p>عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَقَالَ إِذَا مَاتَ إِلَيْهِ اِلْإِنْسَانُ انْقَطَعَ عَمَلُهُ إِلَّا مِنْ ثَلَاثَةِ مِنْ صَدَقَةٍ جَارِيَةٍ وَعِلْمٍ يُتَنَفَّعُ بِهِ وَوَلَدٍ صَالِحٍ يَدْعُو لَهُ</p>   | Diriwayatkan oleh Abu Hurairah, no. 3653, dinyatakan Sahih oleh Syaikh al-bani. Imam Muslim, Sahih Muslim, Kitab <i>al-Washiyah</i> , no. 3084, CD Mausuh al-Hadith al-Syarif. |
|    |  | <p>Daripada Abu Hurairah RA bahawa Rasulullah SAW bersabda, "Jika seseorang manusia (Islam) meninggal dunia maka terputuslah segala amalannya melainkan tiga perkara, iaitu sedekah yang berterusan, ilmu pengetahuan yang dapat memberi faedah (kepada dirinya atau kepada orang lain) dan anak yang soleh/solehah yang beramal baik dan sentiasa mendoakan kepadanya".</p>   |  |
|    |  | <p>حَدَّثَنَا زُهيرٌ بْنُ حَرْبٍ حَدَّثَنَا يَحْيَى بْنُ سَعِيدٍ عَنْ هِشَامٍ بْنِ عُرْوَةَ أَخْبَرَنِي أَبِي عَنْ عَائِشَةَ أَنَّ رَجُلًا قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِنَّ أُمِّيَ افْتُلَتْ نَفْسُهَا وَإِنِّي أَظْنَهَا لَوْ تَكَلَّمَتْ تَصَدَّقَتْ فَلَمَّا أَجْرَ أَنَّ أَصْدَقَ عَنْهَا قَالَ نَعَمْ</p>  | Sahih Muslim, Kitab <i>al-Wasyiyah</i> , no. 3082. Ibnu Qayyim al-Jauziyah, Roh, terj. Kathur Suhardi (Jakarta: Pustaka al-Kauthar, 1999), hlm. 211-212.                       |
|    |  | <p>Daripada Zuhair bin Harb telah menceritakan kepada kami Yahya bin Sa'id dari Hisham bin 'Urwah telah menceritakan kepadaku bapa saya, dari Aishah, seorang lelaki bertanya kepada Nabi, dia berkata, "Sesungguhnya ibu saya telah meninggal dunia, dan seandainya dia boleh bercakap dia akan berada dalam kebijikan, adakah saya akan diberi ganjaran jika saya berada dalam kebijikan bagi pihaknya?" dia menjawab: "Ya".</p> |  |
|    |  | <p>إِذَا تَصَدَّقَ أَحَدُكُمْ بِصَدَقَةٍ تَطْوِعًا فَا فَلَيَحْعَدُهَا عَنْ أَبْوَيْهِ فَيُكُونُ لَهُمَا أَجْرُهَا وَلَا يَنْتَقِصُ مِنْ أَجْرِهِ شَيْءٌ</p>   | Diriwayatkan oleh Abd Bin Amr', dinyatakan oleh al-hithami, hlm 141, hadith dhaif.   |

*Apabila seseorang di antara kamu bersadaqah sunnah, hendaklah ia menjadikan sadaqah atas kedua orang tuanya sehingga keduanya mendapat pahalanya, dan tidak berkurang sedikit pun pahala sang anak yang mengeluarkannya.” (HR. Thabrani)*

| No | Tradisi  | Hadis   | Takhrij   |
|----|--|---|---|
| 9  | Tradisi Amalan;<br><i>Bacaan Yasin</i>   | سِنِ لَمَّا قُرِئَتْ لَهُ<br>“Surat Yasin memberkahi perbuatan sesuai dengan yang diniatkan”  | Dikutip dari kitab as-Sakhowi, hlm. 556, hadith tersebut tidak mempunyai asal perkataan.  |
|    |  | حَدَّثَنَا عَارِمٌ حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ الْمُبَارَكِ حَدَّثَنَا سُلَيْمَانُ الشَّيْخِيُّ عَنْ أَبِي عُثْمَانَ وَلَيْسَ بِالنَّهْدِيِّ عَنْ أَبِيهِ عَنْ مَعْقُولِ بْنِ يَسَارٍ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَفَرَوْهَا عَلَى مَوْتَاكُمْ يَعْنِي يَسِّ   | Imam al-Nawawi mengatakan sanad hadith ini adalah lemah kerana terdapat padanya dua orang perawi yang majhul (tidak dikenali).  |
| 10 | Tradisi Lisan;<br><i>Tradisi Malam Khamis Majlis Selawat Diba' Bil-Mustofa</i> | Telah menceritakan kepada kami 'Arim, telah menceritakan kepada kami Abdullah bin Mubarak, telah menceritakan kepada kami At Taimi dari Abu 'Utsman, bukan An Nahdi dari Ayahnya dari Ma'qil bin Yasar ia berkata; Rasulullah Shallalahu 'alaihi wasallam bersabda: Bacakanlah kepada orang-orang yang meninggal diantara kalian yaitu surat Yaasiin. | Abu daud, Sunan Abu Daud, Kitab <i>āl-Mānāṣīk</i> , Bab <i>Zīyārat Qubūrī</i> , No. 2042, Sahih.  |
|    |  | لَا تَجْعَلُوا بِيُوتَكُمْ قُبُورًا وَلَا تَجْعَلُوا قَبْرَى عِيدًا وَصَلُوا عَلَى إِنَّ صَلَاتَكُمْ تَبْلُغُنِي حَيْثُ كُنْتُمْ.   | Janganlah jadikan rumahmu seperti kubur, janganlah jadikan kubur sebagai 'eid, sampaikanlah selawat kepadaku kerana selawat kalian akan sampai padaku di mana saja kalian berada. |
|    |  | مَنْ صَلَّى عَلَيَّ صَلَاةً وَاحِدَةً صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ عَشْرًا صَلَوَاتٍ وَحُطِّتْ عَنْهُ عَشْرُ خَطَايَاٰتٍ وَرُفِعَتْ لَهُ عَشْرُ دَرَجَاتٍ.   | Diriwayatkan oleh Anas Bin Malik, no. 1296, dinyatakan Sahih oleh Syaikh al-bani  |
|    |  | Barangsiapa yang berseawat kepadaku satu kali, maka Allah berselawat kepadanya 10 kali selawat, dihapuskan darinya 10 kesalahan, dan ditinggikan baginya 10 derajat.  |   |

## 6. Analisis dan Kesimpulan Kajian

Kajian telah mengumpulkan sebanyak lapan belas buah hadith dalam sepuluh penulisan yang berstatus jurnal akademik berkaitan dengan kajian *living hadith*. Keseluruhan hadith yang diperolehi kemudian dianalisis mengikut martabatnya. Kajian mendapati sebanyak enam buah hadith berstatus dhaif manakala berbaki dua belas buah hadith berstatus sahih. Tiga daripada sepuluh buah penulisan artikel jurnal tersebut mengkaji *living hadith* dalam konsep kategori budaya lisan, manakala tujuh daripadanya mengkaji *living hadith* dalam konsep kategori budaya amalan. Manakala budaya tulisan tidak termasuk dalam kajian sorotan literatur sistematik kerana tiada kertas kerja yang ditemui. Keseluruhan hadith yang telah dikumpulkan telah menjadi sandaran kepada tradisi hidup sesebuah masyarakat di Indonesia.

| Bil | Amalan  | Taraf Hadith        | Bil. Hadith |
|-----|---|---------------------|-------------|
| 1.  | Barzanji  | Sahih (1), Daif (2) | 3           |
| 2.  | Qunut Dalam Solat Maghrib                             | Sahih               | 1           |
| 3.  | Mandi Balimau   | Daif                | 1           |
| 4.  | Menjaga Kubur   | Sahih               | 1           |
| 5.  | Mambadakan Paja                                       | Sahih               | 1           |
| 6.  | Bekam   | Sahih               | 1           |
| 7.  | Merantau Dalam Menuntut Ilmu                          | Sahih               | 1           |
| 8.  | Tradisi Arebbe  | Sahih (1), Daif (2) | 3           |
| 9.  | Bacaan Yasin  | Daif                | 2           |
| 10. | Tradisi Malam Khamis Majlis Selawat Diba' Bil-Mustofa | Sahih               | 1           |

Jadual 2: Taburan hadith sorotan sistematik literatur kajian antropologi *Living Hadith* di Indonesia mengikut kategori hadith

### Tradisi Barzanji

Tradisi barzanji telah diangkat sebagai sebuah fenomena yang berlaku di daerah Bugis, Sulawesi Selatan, Indonesia. Pembacaan kitab barzanji (syair puji-pujian kepada Nabi) menarik untuk dikaji kerana pembacaannya tidak menggunakan bahasa Arab sebaliknya menggunakan bahasa Bugis sendiri. Tujuan ia diadakan adalah untuk meraikan sambutan kelahiran Rasulullah SAW. Ini dilihat sebagai satu usaha menghidupkan sunnah baginda SAW kemudian diaplikasikan dalam kehidupan mereka. Tradisi yang cuba dihidupkan ini berlandaskan daripada tiga buah hadith Rasulullah SAW. Namun begitu, dapatkan menunjukkan penggunaan *living hadith* dalam amalan barzanji menggunakan tiga buah hadith. Walaubagaimanapun, penggunaan hadith yang disandarkan didapati dua daripadanya adalah berstatus daif dan hanya satu hadith sahaja yang berstatus sahih.

### Tradisi Qunut Dalam Solat Maghrib

Tradisi qunut ketika menunaikan solat maghrib bukanlah satu kebiasaan yang berlaku dalam kehidupan masyarakat Islam setempat. Namun di pondok pesantren Wahid Hasyim, Yogyakarta tradisi ini menjadi amalan yang diterapkan dikalangan pelajarnya. Kiyai Saiful Anam adalah salah seorang tenaga pengajar di pesantren ini. Beliau merupakan mengikut Tarekat Qadariah Naqsabandiyah. Hadith yang menjadi panduan kepada amalan ini diyakini oleh mereka sepenuh hati. Bahkan hadith tersebut tidak menjadi satu isu kerana ianya adalah berstatus sahih.

### Tradisi Mandi Balimau

Tradisi mandi balimau adalah upacara yang diamalkan oleh masyarakat Kuntu, Indonesia. Tujuan asal upacara ini adalah sebagai tanda syukur akan kehadiran bulan Ramadhan, bulan yang mulia. Walau bagaimanapun, hadith yang menjadi sandaran masyarakat ini tidak ditemui di dalam kitab-kitab hadith kutub al-Tis'ah. Hadith tersebut hanya ditemui di dalam kitab Durratun Nasihin tanpa disertai dengan sanad yang jelas maka segi kualitinya dianggap sebagai hadith dhaif. Amalan ini masih berterusan kerana kitab itu dijadikan sebagai panduan dan pegangan oleh tokoh agama dalam masyarakat Kuntu, Indonesia.

### Tradisi Menjaga Kubur

Sebuah fenomena lain yang berlaku di Kalimantan Selatan diamalkan oleh masyarakat Banjar di Indonesia adalah tradisi menjaga kubur. Tradisi ini berlaku kerana disandarkan kepada sebuah hadith Rasulullah SAW. Bagaimana pun hadith tersebut berstatus sahih. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa masyarakat yang melaksanakan amalan ini bertujuan melestarikan bacaan al-Quran; berniat menunaikan permintaan ahli keluarga yang meminta bantuan bahkan ada diantara mereka yang meletakkan tradisi ini sebagai punca pendapatan tambahan hidup.

### Tradisi Mambadakan Paja

Tradisi mambadakan paja yang diamalkan oleh masyarakat Pauh, pedalaman Kabupaten Agam, Indonesia. Tradisi ini ialah ungkapan rasa syukur atas kelahiran bayi menerusi proses adat yang berkaitan dengan keagamaan. Sebagai sebuah tradisi yang hidup, mambadakan paja menyatukan antara budaya dan agama. Hadith yang menjadi sandaran berstatus sahih. Apabila dilihat dari perspektif ilmu sosial, fenomena ini tidak bertentangan dengan prinsip dan dasar ajaran Islam.

### Tradisi Bekam

Penghidupan hadith bukan saja dari sudut kepercayaan bahkan dalam bidang perubatan. Perubatan bekam adalah satu bentuk sunnah Rasulullah SAW menggunakan benda tajam bagi mengeluarkan darah kotor daripada tubuh badan. Pengamalan berbekam ini yang dilakukan oleh pesantren Darussalam Eretan Indramayu, Indonesia. Kaedah rawatan ini juga diterapkan kepada ahli-ahlinya. Dengan tujuan dapat meneruskan rawatan berbekam kepada masyarakat sekeliling. Pesantren ini melaksanakan rawatan berbekam atas dasar ia cara perubatan yang dianjurkan oleh Rasulullah SAW. Hadith yang menjadi sandaran amalan ini berstatus sahih.

### Merantau Dalam Menuntut Ilmu

Menuntut ilmu merupakan satu kewajiban bagi setiap muslim berlandaskan sebuah hadith sahih Rasulullah SAW. Masyarakat Minangkabau menjadikan tradisi merantau sebagai sebuah budaya dan sarana yang sangat membantu dalam proses menuntut ilmu. Fenomena ini dikategorikan sebagai living hadith. Menuntut ilmu melalui merantau adalah salah satu bukti bahawa Islam telah lama wujud di Minangkabau. Tercatat di dalam sejarah bahawa Syeikh

Ahmad Khatib al-Minangkabawi telah merantau dalam menuntut ilmu sehingga ke Masjid al-Haram dan menjadi sukarelawan disana pada akhir abad ke-19M.

#### Bacaan Yasin

Tradisi Arebbe merupakan tradisi yang berkembang lama dalam kalangan masyarakat Situbondo, Desa Trebungan. Tradisi ini dilaksanakan pada malam Jumaat. Tradisi ini dilaksanakan atas dasar motivasi daripada hadith Rasulullah SAW. Makna yang terkandung dalam hadith adalah sebagai bentuk doa serta sedekah yang pahalanya dihadiahkan kepada orang yang sudah meninggal dunia. Begitu juga hadith Rasulullah SAW yang menjadi anjuran membacakan surah Yasin bagi mereka yang telah meninggal dunia. Walau bagaimanapun, hadith yang menjadi sandaran itu didapati berstatus dhaif. Imam al-Nawawi juga mengatakan sanad hadithnya adalah lemah kerana terdapat dua orang perawi yang majhul (tidak dikenali).

#### Tradisi Malam Khamis Majlis Selawat Diba' Bil-Mustofa

Majlis selawat diba' bil-mustofa merupakan salah satu majlis yang melestarikan pembacaan syair-syair puji kepada Rasulullah SAW. Ia dilaksanakan pada malam hari khamis. Latar belakang munculnya tradisi ini adalah sebagai cara mencintai Rasulullah SAW serta amalan ibadah kerohanian yang mententeramkan jiwa para Jemaah. Hasil daripada hadith yang disandarkan kepada amalan ini memiliki makna bagi masyarakat tergambar akan kehidupan harian baginda Rasulullah SAW.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa setiap dikalangan masyarakat Islam mempunyai usaha menghidupkan sunnah baginda Rasulullah SAW dalam kehidupan harian mereka. Rasulullah SAW sendiri adalah ikutan dan contoh yang paling baik buat sekalian umatnya. Walau bagaimanapun, penggunaan hadith yang dijadikan panduan dan landasan perlulah diteliti terlebih dahulu. Ini kerana terdapat segelintir masyarakat yang telah beramal dengan hadith daif. Telah disebut oleh al-Qasimi tentang hukum meriwayatkan hadith daif; ulama telah bersepakat ke atas pengharaman memalsukan hadith sama seperti bersepakat ke atas pengharaman meriwayatkannya dengan ilmu pemalsuan. *Living hadith* adalah sebuah kajian yang kebanyakannya sudah diketahui bahawa kedudukan sanad dan matan hadith tidak menjadi perkara utama dalam kajian. Maka, kajian ini dilakukan bagi mengukur sejauhmana kebenaran hadith yang digunakan oleh masyarakat seiring yang dituntut oleh baginda Rasulullah SAW.

## 7. Penghargaan

Kajian ini adalah sebahagian Geran Penyelidikan dan Inovasi KUIS (GPIK) 2017. No Geran: 2017/P/GPIK/INHAD/GPP-001 yang bertajuk Analisis Status Hadith Kajian Antropologi Dari Konteks Living Hadis Dalam Kalangan Sarjana Indonesia: Satu Analisis. Penghargaan setinggi-tingginya kepada Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) yang menaja penyelidikan ini.

## 8. Rujukan

- Adrika Fithrotul Aini. 2014. Living Hadis dalam Tradisi Malam Kamis Majelis Shalawat Diba' Bil-Mustofa. *Ar-Raniry: International Journal of Islamic Studies*, 2, 221-235.
- Ahmad Muttaqin, 2016. "Barzanji Bugis" dalam Peringatan Maulid: Studi Living Hadis di Masyarakat Bugis, Soppeng, Sul-Sel. *Jurnal Living Hadis*, 1 (1), 129-150.
- Dona Kahfi. 2016. Tradisi Mandi Balimau di masyarakat Kuntu: Living Hadis Sebagai Bukti Sejarah. *Jurnal Living Hadis*, 1, 276-293.
- Dr. Syed Abdul Ghouri. 2018. Prinsip-prinsip Asas Dalam Memahami Hadith Nabawi. Putrajaya; Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Gusnanda. 2017. *Living Hadis dalam Tradisi Mambadakan Paja Masyarakat Pauh Nagari Kamang Mudik Kec. Kamang Magek Kab. Agam*. Program Pascasarjana. Institut Agama Islam Negeri (IAIN), Imam Bonjol Padang.
- Habsatun Nabawiyah. 2018. Tradisi Arebbe Dalam Masyarakat Situbondo (Studi Living Hadis). *Jurnal Ilmu al-Qur'an dan Hadith*, 1, 48-65.
- Hasbullah, Toyo dan Awang Azman. 2017. Ritual Tolak Bala Pada Masyarakat Melayu (Kajian Pada Masyarakat Petalangan Kecamatan Pangkalan Kuras Kabupaten Pelalawan). *Jurnal Ushuluddin*, 25 (1), 83-100.
- Hj. Umayah M. Ag. 2014. Living Hadits: Fenomena Bekam di Pesantren Eretan Indramayu. *Holistik*, 15, 309-328.
- Jamaluddin al-Qasimi. *Qawa'id at-Tahdith*, Dar al-Kutub al-'Ilmiah. Beirut, 1979. h. 62. M. Alfatih Suryadilaga. 2016. Aplikasi Penelitian Hadis Dari Teks Ke Konteks. Yogyakarta. Kalimedia.
- M. Alfatih Suryadilaga. 2016. *Aplikasi Penelitian Hadis Dari Teks ke Konteks*. Yogyakarta: Kalimedia.
- M. Mustafa al-A'zami, Pengkajian Hadith: Kaedah Dan Persuratan, Ter. Zainal Azam Abdul Rahman, Pustaka Salam, K. Lumpur, 1988, h. 13.
- Miftahul Jannah. 2014. Living Hadis dalam Tradisi Menjaga Kubur Masyarakat Banjar Kabupaten Hulu Sungai Tengah Kalimantan Selatan. *Jurnal Ilmu-ilmu Ushuluddin*, 15, 1-16.
- Siregar, L. (2002). Antropologi dan Konsep Kebudayaan. *Jurnal Antropologi Papua*, 1(1), 1-12.
- Siti Qurrotul Aini. 2016. Tradisi Qunut dalam Shalat Magrib di Pondok Pesantren Wahid Hasyim Yogyakarta. *Jurnal Living Hadis*, 1, 228-242.
- Untung Margono, M. 2009. Keistimewaan Maktabah Syamilah Dalam Mentakhrij Hadis. Prosiding Seminar Takhrij Hadith Nusantara: Realiti Dan Keperluan Dalam Masyarakat. UM Kuala Lumpur, 30-31 Disember 2009.
- Yeni Angelia In'amul Hasan. 2017. Merantau Dalam Menuntut Ilmu; Studi Living Hadis oleh Masyarakat Minangkabau. *Jurnal Living Hadis*, 2, 69-81.
- <https://semakhadis.com/about/> Diakses pada; 10 Julai 2019.